

# Gawai Dayak kekal sebagai upacara keagamaan meskipun sambutan berubah ikut masa: Jayum

🕒 Mei 29, 2025, Khamis - 5:24pm



KUCHING: Gawai Dayak kekal sebagai upacara keagamaan atau budaya yang menyatukan keluarga besar Dayak meskipun suasana sambutan sekarang jauh berbeza berbanding 50 tahun yang lalu.

Felo Institusi Kursi Raja-Raja Melayu, UiTM dan Felo Akademi Sains Malaysia Datuk Prof Dr Jayum Jawan (gambar) berkata Gawai Dayak adalah perayaan kesyukuran kerana hasil dan tuaian pada musim penanaman padi yang lalu.

Menurutnya, kesyukuran ditujukan kepada pelbagai 'petara' yang telah membantu kaum Dayak dalam aktiviti menanam sepanjang tahun sebelumnya.

“Ia juga majlis keluarga kerana pada setiap Gawai Dayak, semua ahli bilik (rumah panjang) akan berusaha balik untuk menjalinkan ikatan kekeluargaan di samping berkongsi pengalaman sambil makan dan minum bersama-sama.

“Suasana Gawai Dayak sekarang jauh berbeza dengan dahulu seperti pada zaman 1970-an atau 1980-an. Sekarang kapal terbang sesak dengan orang Dayak yang balik ke rumah panjang masing-masing.

“Ini adalah diaspora Dayak yang bekerja di Semenanjung Malaysia, Singapura dan negara-negara lain di Asia, Timur Tengah dan di Eropah. Mereka bekerja sebagai pekerja luar pantai atau 'offshore workers' dan juga pegawai dalam pelbagai syarikat di luar negara," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan sempena sambutan Hari Gawai Dayak yang diraikan pada 1 dan 2 Jun setiap tahun.

Profesor Adjung Institut Pengajian Borneo Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) itu berkata, bangsa Dayak sudah membangun dan maju dalam pelbagai bidang kerana mereka terkenal dengan amalan suka merantau mencari rezeki dan membuka kawasan baharu atau 'mubok menua' khasnya dalam kalangan orang Iban.

“Dalam bahasa Iban aktiviti ini dinamakan 'bejalai' atau 'belelang' dan ia sudah menjadi tajuk kajian mendalam pada 1980-an sehingga menghasilkan ijazah bagi pengkajinya," jelasnya.

Menurut Jayum, Gawai Dayak bermula dengan majlis 'miring' yang dilakukan oleh setiap bilik (pintu) di rumah panjang.

“Pada suatu tarikh yang telah ditetapkan, ahli rumah panjang akan menyusun tikai di ruai masing-masing. Pada 31 Mei, sebelah waktu petang, majlis menyediakan 'piring' akan dilakukan.

“Pada masa ini juga ahli bilik akan menyediakan makanan dan minuman yang akan disimpan di ruai- tuai rumah, ditudung dan kemudian diberkati oleh 'lemambang' yang akan menyempurnakan 'biau' (doa) ke atas minuman dan makanan itu supaya ia membawa berkat kepada semua,” katanya.

Makanan yang dihidangkan semasa uparara 'piring' akan dimakan dan diminum selepas jam 12 tengah malam 31 Mei bagi menandakan hari pertama kalendar Dayak, tambahnya.

Beliau berkata sambil menunggu detik 12 tengah malam pelbagai aktiviti diadakan seperti pertandingan ngajat, pertandingan kumang/keling dan banyak lagi.

“Walapun Gawai Dayak sudah banyak mengalami perbuahan khasnya dengan nilai perniagaan, namun fungsi asal ia tidak berubah.

“Ia adalah gawai atau perayaan keagamaan. Tanpa ada nilai keagamaan itu, maka Gawai Dayak tiada makna dan ia akan menjadi pesta suka-suka seperti October fest, hari jadi dan Hari Valentine,” ujarnya.

🗨 oleh Patricia Gari

---

Kategori [Sarawak](#)

---